

# Sayang bangsa tolak rasuah: Dr M

BH 19 NOV 2000

KUALA LUMPUR: Gejala politik wang dalam Umno hanya mampu ditangani dengan semangat serta perasaan sayangkan parti dan bangsa, bukannya melalui pindaan perlembagaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil menegaskan amalan rasuah atau politik wang boleh mengancam parti, Presiden Umno meminta ahli parti itu mendedahkan mereka yang menghulurkan rasuah.

Dalam ucapan yang penuh emosi di perhimpunan agung khas Umno bagi meminda perlembagaan parti di Pusat Dagangan Dunia Putra sama-

lam, beliau berkata jika ahli Umno sayangkan bangsanya, mereka harus menolak semua jenis tawaran rasuah termasuk melancong dan umrah.

"Sayanglah bangsa kita. Sayanglah anak cucu kita. Tolaklah rasuah. Dedahkan mereka yang menghulur rasuah. Dapatkan bukti yang cukup dan dedahkan mereka.

"Tolak semua yang berbau rasuah kerana bangsa...kerana bangsa kita akan menjadi hina, akan hancur. Kita semua akan terus jatuh ke lembah kehinaan, daif dan tidak bermaruah," katanya disambut tepukan gemuruh daripada 2,023

perwakilan dari 165 bahagian di perhimpunan itu yang kemudiannya diadakan secara tertutup.

Ketika tiba kepada perkataan "sayanglah bangsa kita ini...", Dr Mahathir yang kelihatan sebak, terpaksa memberhentikan ucapannya. Beliau hanya menyambung ucapan selepas meneguk air yang dihulurkan oleh Setiausaha Agung, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob.

Perdana Menteri berkata, perlembagaan parti, walau dipinda dengan apa cara sekalipun, tidak boleh menjamin amalan buruk dan kehancuran yang disebabkan,

tidak berlaku.

"Ini kerana undang-undang tidak pernah menghapuskan jenayah tetapi sekadar membendunginya. Banyak lagi tindakan yang perlu diambil untuk menguat dan melengkapkan Umno bagi menghadapi dan mengatasi cabaran dekad akan datang," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau sedar usaha Umno untuk membanteras amalan rasuah dan politik wang dalam parti itu akan digunakan oleh parti lawan sebagai bukti Umno sudah diselubungi rasuah.

Bagaimanapun, katanya masalah

rasuah dalam parti itu tidaklah seburuk yang digambarkan oleh parti lawan kerana ahli Umno masih menganggap rasuah sebagai jenayah dan berasa malu untuk melakukannya.

"Keadaan masih boleh dipulih, insya-Allah. Tetapi jika sesuatu keburukan hendak ditangkis, ia mestilah dibuat sebelum ia merebak dan menjadi sebahagian daripada budaya kita," katanya.

Beliau berkata, Umno kini bukan saja perlu mengekalkan prestasi, malah membersihkan parti daripada se-

**LIHAT MUKA 2**

# Sayang bangsa tolak rasuah

BH 19 NOV 2000

DARI MUKA 1

barang amalan buruk seperti rasuah. Kerana itu, setiap ahli parti bertanggungjawab dalam mendedah dan menolak jenayah rasuah.

Pada masa sama, Umno masih boleh menunaikan janji kepada rakyat, bangsa Melayu dan Bumiputera lain serta kepada agama dan negara.

Dr Mahathir juga menegaskan, jika perjuangan Umno hendak diteruskan, pembaharuan dalam parti

hendaklah dibuat oleh generasi muda, manakala generasi tua perlu sedia memberi tempat kepada golongan itu.

Penerimaan kemasukan lebih awal ahli dan pemimpin muda, akan menentukan mereka dapat menghayati perjuangan parti. Bagaimanapun, jika orang yang tidak berkebolehan menjadi pemimpin Umno, ia boleh menjurus kepada kegagalan kerajaan pimpinan parti berkenaan.

"Akibat daripada kepemimpinan

an Umno yang tidak berupaya ialah kehancuran negara. Dengan kata lain, Umno mestilah dipelihara kerana Umno sajalah yang mempunyai dasar dan pendekatan yang boleh memajukan negara serta memulih dan menebus maruah bangsa dan negara yang telah hancur selama 450 tahun," katanya.

Presiden Umno menyifatkan sesiapa yang menyekat orang Melayu daripada menyertai parti itu sebagai mengkhianati Umno dan masa depan bangsa Melayu. "Ti-

dak ada sesiapa berhak menyekat orang Melayu daripada menyertai Umno," katanya.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan cadangan penubuhan Puteri Umno bukanlah kerana wujud sekatan terhadap kemasukan generasi muda di kalangan wanita ke dalam Pergerakan Wanita Umno.

"Parti amat terhutang budi kepada Pergerakan Wanita dan parti tidak sama sekali berhajat melemahkan wanita dengan penubuhan Puteri," katanya.